



Anwar bersama delegasi Malaysia mengadakan mesyuarat dua hala dengan Marcos di Istana Malacanang, Manila, semalam.

(Foto BERNAMA)

# KL-Manila tingkat kerjasama sektor halal, keselamatan

## Anwar, Marcos bincang peranan Malaysia pastikan proses damai di Selatan Filipina

Daripada Azman Abdul Hamid di Manila  
bhnews@bh.com.my

Malaysia dan Filipina memasuki era hubungan baharu apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr mencapai pelbagai persetujuan bersama memabatkan hubungan dua hala.

Pada sidang media bersama di Istana Malacanang di sini, semalam, kedua-dua pemimpin bersetuju meningkatkan hubungan yang merangkumi isu keselamatan, sektor halal, sekuriti makanan, ekonomi digital hinggalah kepada bidang pelancongan.

Kedua-dua pemimpin turut menyentuh mengenai peranan Malaysia dalam memastikan proses damai di Selatan Filipina.

"Adalah menjadi tugas kita (Malaysia) sebagai jiran yang

baik untuk menyokong usaha ini, kita harus memanfaatkan semua kaedah dalam hubungan dua hala dan pelbagai hala untuk mencapainya.

"Proses damai (di Mindanao) ini harus berjaya kerana ia bukan sahaja mampu menjejaskan Filipina dan Malaysia, tetapi juga seluruh rantau ini," kata Anwar.

Beliau memuji Marcos kerana mengorak langkah yang besar maknanya dalam usaha memastikan proses damai di Mindanao mencapai kejayaan.

Anwar tiba di Manila semalam bagi memulakan lawatan rasmi dua hari, yang kelima ke negara ASEAN selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada akhir tahun lalu.

Pada sidang media berkenaan, Perdana Menteri berkata, beliau bertukar-tukar pandangan dan keprihatinan bersama dengan Marcos berhubung isu Laut Cina Selatan dan konflik di Myanmar.

"Saya sampaikan pandangan sama mengenai konflik berpanjangan di Myanmar yang turut memberi kesan terhadap Malaysia ekoran terdapat lebih 200,000 pelarian negara itu di Malaysia ketika ini.

"Presiden Marcos juga mene-

kankan perlunya peranan ASEAN dan saya berikan syor untuk menerokai kaedah baharu bagaimana untuk memujuk junta Myanmar bersama sebagai satu pasukan dalam ASEAN," katanya.

Terdahulu, setibanya di istana yang juga pejabat rasmi Marcos, Anwar yang memakai baju batik dan bersongkok diberikan sambutan permaidani merah oleh pemimpin Filipina itu.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan wanita pertama Filipina, Marie Louise Araneta Marcos.

Selepas lagu kebangsaan Malaysia *Negaraku* dan Filipina, *Lupang Hinirang* (Tanah Terpilih) dimainkan diikuti dengan 19 das tembakan hormat, Anwar dengan diiringi Marcos memeriksa kawalan kehormatan yang dibarisi 165 angkatan tentera Filipina.

Perdana Menteri kemudian diperkenalkan kepada barisan anggota Kabinet Filipina.

Anwar diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ewon Benedict dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin.